EVOLUSI DEKAD
DEWAN LATIHAN MARA ke UITM
1956-2026

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA®

RONA TINTA

EDISI 2026



KHIANAT SEBUAH MEMORI: MENGAPA WARGA KAMPUS WAJIB MENULIS?

Ahmad Azman Mohamad Ramli

Pernahkah anda berada dalam situasi apabila sebuah idea yang sangat bernas melintas di fikiran sewaktu sedang memandu ke kampus, atau ketika sedang berehat sebelum tidur? Anda tersenyum sendirian dan berjanji pada diri sendiri untuk menguruskan idea tersebut pada keesokan hari. Namun, apabila fajar menyingsing dan tugasan harian mula menuntut perhatian, idea hebat itu hilang tanpa dikesan daripada memori. Puas diperah otak untuk mengingatinya semula, tetapi yang tinggal hanyalah rasa ralat kerana gagal menangkap cetusan kreativiti tersebut.

Senario ini membuktikan kebenaran sebuah peribahasa purba negara China yang berbunyi, *"Dakwat yang paling pudar adalah lebih baik daripada ingatan yang paling tajam."* Ungkapan ini membawa mesej yang sangat mendalam tentang had keupayaan kognitif manusia. Peribahasa tersebut mengingatkan kita tentang sebab amalan mendokumentasikan sesuatu perkara merupakan satu kemestian, terutamanya dalam ekosistem institusi menara gading yang sentiasa dahagakan ilmu. Pepatah Latin juga ada berpesan, *"kata-kata itu angin, tulisan itu monumen."* Pesanan ini membawa maksud bahawa apa-apa sahaja yang diucapkan akan hilang ditiup masa, tetapi apa-apa yang ditulis akan kekal berdiri kukuh sebagai bukti nyata.

Sebagai warga universiti, sama ada anda seorang profesor yang menguruskan penyelidikan bernilai tinggi, kakitangan pentadbiran yang mengendalikan ratusan fail, mahupun mahasiswa yang sedang mengejar kecemerlangan akademik, kita sering terlalu yakin dengan daya ingatan sendiri. Kita beranggapan bahawa minda kita mampu menyimpan segala tarikh penting, arahan kerja, dan formula kuliah dengan sempurna. Hakikatnya, sains neuro menyatakan sebaliknya. Memori manusia bersifat dinamik, mudah rapuh, serta terdedah kepada herotan mengikut peredaran masa dan emosi.

Tambahan pula, lambakan informasi harian dalam era digital ini menjadikan minda kita semakin sarat dengan gangguan informasi atau *information overload*. Di sinilah tulisan memainkan peranan sebagai penyelamat. Walaupun sekadar coretan ringkas menggunakan dakwat yang hampir habis di atas sehelai kertas kecil, rekod tersebut tidak akan berubah. Rekod itu kekal statik, selamat, dan setia menyampaikan maklumat asal kepada sesiapa sahaja yang membacanya semula pada masa hadapan.

Dalam persekitaran universiti, prinsip peribahasa ini menjadi tulang belakang kepada integriti akademik dan profesionalisme. Bagi mahasiswa, tabiat menyalin nota semasa kuliah bukan sekadar ritual kosong untuk mengelakkan rasa mengantuk. Nota bertulis itulah yang berfungsi sebagai talian hayat utama sewaktu minggu ulang kaji peperiksaan kelak. Seseorang pelajar tidak mungkin mampu mengingat kembali setiap bait perkataan yang diucapkan oleh pensyarah sepanjang empat belas minggu pengajian tanpa bantuan nota yang sistematik. Dalam dunia penyelidikan dan sains pula, setiap langkah eksperimen, kegagalan, dan data mentah wajib direkodkan secara langsung ke dalam jurnal makmal bagi memastikan kesahihan kajian tersebut boleh diuji semula.

Dari aspek pentadbiran universiti, penyediaan dokumentasi rasmi seperti minit mesyuarat atau nota perbincangan bertulis ialah pelindung daripada isu salah faham. Tanpa rekod hitam putih yang sah, sesebuah jabatan boleh terdedah kepada budaya tuding-menuding jari atau projek terbengkalai disebabkan oleh tindakan ahli pasukan yang terlupa akan tanggungjawab masing-masing. Di universiti mahupun mana-mana organisasi lain, janji lisan atau hujah tanpa bukti bertulis tidak mempunyai kekuatan yang besar sekiranya berlaku pertikaian..

Sejarah tamadun manusia sendiri dibina atas asas dakwat yang pudar. Pepatah Melayu ada menyebut, *"harimau mati meninggalkan belang, gajah mati meninggalkan tulang, manusia mati meninggalkan nama."* Bagi golongan sarjana, nama dan ilmu mereka hanya akan terus hidup dan dimanfaatkan sekiranya mereka menulis. Bayangkan jika para ilmuwan silam seperti Ibnu Sina, Al-Khwarizmi, atau Sir Isaac Newton hanya menyimpan teori-teori hebat mereka di dalam kepala tanpa membukukannya dalam bentuk manuskrip. Pastinya, obor ilmu tersebut akan padam sebaik sahaja mereka menghembuskan nafas terakhir, dan dunia hari ini mungkin jauh ketinggalan dalam bidang sains dan teknologi.

Kesimpulannya, jangan biarkan diri kita terpedaya oleh keyakinan palsu memori mahupun daya ingatan sendiri. Sama ada menggunakan buku nota fizikal yang tradisional atau memanfaatkan aplikasi digital moden seperti Google Keep, Notion, dan Apple Notes, kebiasaan mencatat mesti dipupuk dalam diri setiap warga kampus. Ingatlah, memori setajam pisau sekalipun boleh tumpul dimamah masa, tetapi coretan dakwat yang paling pudar akan sentiasa hidup untuk menyatakan kebenaran. Selamat menulis!